

→ BISNES



Mohamad Amri Sahari

Mohamad Amri dilantik Ketua Pegawai Eksekutif MSM

Mohamad Amri Sahari dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) MSM Malaysia Holdings Bhd (MSM) berkuat kuasa semalam, menggantikan Datuk Sheikh Awab Sheikh Abod yang meninggal dunia, April lalu.

Amri adalah Timbalan CEO MSM sejak Mac 2011, kata kumpulan itu dalam makluman kepada Bursa Malaysia, semalam. Sebelum menyertai MSM, Amri jalah Pemangku Pengurus Besar, Pemerolehan dan Perkhidmatan Bekalan bagi FELDA Palm Industries Sdn Bhd.

Pastikan visi tercapai

“Saya amat berbesar hati dengan pelantikan ini dan menjadi keutamaan saya untuk memastikan visi yang ditetapkan oleh Alayyarham Datuk Sheikh dipenuhi,” kata Amri dalam satu kenyataan.

Amri memulakan kerjaya sebagai jurutera kilang dengan FELDA Palm Industries Sdn Bhd pada 1989 dan dilantik sebagai Pemangku Pengurus Besar, Perkhidmatan Pemerolehan dan Bekalan dalam syarikat sama.

Beliau kemudian dinanikkan pangkat menjadi Ketua Pegawai Eksekutif MSM Perlis Sdn Bhd pada 2004.

Beliau memiliki Sarjana Perniagaan dan Pentadbiran (Pengurusan Strategik) daripada Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Ijazah Sarjana Muda Sains (Kejuruteraan Mekanikal) daripada South Dakota State University, Amerika Syarikat.

Iawatan CEO kosong sejak April

Semasa memegang jawatan Timbalan CEO, beliau menerajui usaha pembangunan perniagaan dan inisiatif strategik syarikat, membangunkan rekod prestasi membina pasukan kepimpinan yang kukuh serta mencapai kepuasan yang bermakna dan berkualiti tinggi. Jawatan CEO syarikat pengejut arul terbesar di negara itu tidak diisi sejak April tahun ini selepas kematian Sheikh Awab pada usia 56 tahun.

MSM mengusahakan perniagaan gula FELDA Global Ventures Holdings Bhd menerusi dua anak syarikat beroperasi, MSM Prai Bhd dan MSM Petris Sdn Bhd, serta syarikat logistik - MSM Logistik Sdn Bhd dan syarikat tagangan - MSM Trading International DMCC, di Dubai, Emiriah Arab Bersatu (UAE).

BERNAMA



[FOTO IHSAH JABATAN KETUA MENTERI]

RM200 juta pasang lampu jalan cekap tenaga di Melaka

Bank Pembangunan Asia, PTHM jalin kerjasama bangunkan projek

Idris (kiri) bersama Takehiko (kanan) menyaksikan Kamarudin dan Ryuchi menandatangani perjanjian kerjasama projek lampu jalan cekap tenaga di Singapura, semalam.

Oleh Badrul Hizar Ab Jabar
bhbiz@bh.com.my

Bank Pembangunan Asia (ADB) dan Perbadanan Teknologi Hijau Melaka (PTHM) menandatangani perjanjian khidmat nasihat perniagaan bagi membangunkan projek pemasangan lampu jalan cekap tenaga di Melaka.

Idris berkata, projek berkenaan akan meningkatkan penggunaan tenaga rendah, mengurangkan penggunaan karbon dioksida dan keselamatan rangkaian jalan raya di seluruh Melaka.

Kos tenaga rendah

Yang turut hadir, Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Idris Haron dan Presiden ADB, Takehiko Nakao.

Idris berkata, projek berkenaan akan meningkatkan penggunaan tenaga rendah, mengurangkan penggunaan karbon dioksida dan rangkaian jalan raya di seluruh Melaka.

Projek berkenaan

akan meningkatkan pencapaian, kos tenaga lebih rendah, mengurangkan pelepasan karbon dioksida dan keselamatan rangkaian jalan raya di seluruh Melaka”

Idris Haron,
Ketua Menteri Melaka

ripada inisiatif penting di bawah Program Pembangunan Bandar Mampan bagi Segi Tiga Pertumbuhan Indonesia-Malaysia-Thailand (IMF-GT),” katanya dalam kenyataan diedarkan kepada media di Melaka, semalam.

Menerusi perjanjian khidmat nasthat itu, ADB akan menjalankan kajian, termasuk dalam bank, mereka bentuk strategi perolehan bagi menggalas sektor swasta yang bersesuaian serta memberi nasi-hat mengenai pemilihan dan rundingan.

Sementara itu, Nakao berkata, pihaknya menyokong usaha kerajaan Melaka dalam meningkatkan kecekapan perkhidmatan awam menerusi penggunaan teknologi canggih dan PPP.

Kami berharap projek ini akan menjadi model perniagaan baharu untuk kecekapan tenaga yang boleh diaplikasikan di negara-negara lain di Asia dan Pasifik, katanya.

Projek berkenaan

akan meningkatkan kecekapan per-

niagaan bagi membangunkan projek pemasangan lampu

jalan cekap tenaga di Melaka.

Projek menerusi Perkongsian Awan Swasta (PP) yang

membabitkan belanja kira-kira

Rm200 juta bagi memasang

lebih 100,000 lampu jalan jenis

peratus menjelang tahun 2020.

“Ta juga menjadi satu da-